



PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA (LPBM)

SYARAT & TERMA PERTANDINGAN

- Penyertaan adalah **PERCUMA** dan terbuka kepada **semua Warganegara Malaysia**.
- Peserta boleh menghantar **tidak lebih** daripada **tiga (3) penyertaan**.
- Reka cipta logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) warna** tetapi tidak melebihi **empat (4) warna**
- Logo yang direka mestilah asli dan mengikut kreativiti masing-masing.
- Peserta hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas ciptaan logo.
- Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7 cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau "mounting board" dan juga disediakan dalam bentuk "softcopy" menggunakan format AI (Adobe Illustration) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan perisian yang bersesuaian.
- Kesemua peserta akan menerima sijil penyertaan.
- Tarikh tutup penyertaan sehingga **31 OKTOBER 2018 pada jam 4.30 petang**.
- Untuk maklumat lanjut mengenai LPBM dan Borang Pertandingan Mencipta Logo, sila layari laman web Townplan dan Facebook LPBM seperti di bawah.

Borang Penyertaan yang lengkap hendaklah disertakan dengan nama penuh, no kad pengenalan, alamat penuh dan nombor telefon kepada:

Lembaga Perancang Bandar Malaysia,
Tingkat 3, Blok Melati,
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur.
+ Tel : 03-2264 6000
+ Faks : 03-2265 0615

 / Lembaga Perancang Bandar Malaysia - LPBM

 / <https://www.townplan.gov.my>

MENANTI JUARA!

RM5,000
berserta sijil

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA

Latar Belakang

Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) diwujudkan di bawah Seksyen 3, Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] dan telah berkuatkuasa pada 1 Januari 1996. Ia merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk mengawal selia profesion perancang bandar yang hendak menjalankan amalan profesionalnya di Malaysia.

Syarat dan Terma Pertandingan

- a. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia
- b. Setiap peserta dibenarkan menghantar **tidak lebih** daripada **tiga (3) penyertaan**. Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap diisi bersama hasil karya. Walau bagaimanapun, hanya satu (1) logo sahaja dipilih sebagai pemenang utama.
- c. Reka bentuk logo hendaklah hasil ciptaan yang asli dan mengikut kreativiti masing-masing. Pihak LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA (LPBM) tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta logo tersebut.
- d. Setiap logo yang dikemukakan hendaklah mengandungi perkataan **LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA**.
- e. Setiap rekaan perlu mempunyai keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan
- f. Reka cipta logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya **dua (2) warna** tetapi **tidak melebihi empat (4) warna**.
- g. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.
- h. Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau "mounting board" dan juga disediakan dalam bentuk "softcopy" menggunakan format AI (*Adobe Illustration*) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan perisian terkini yang bersesuaian.
- i. Pemenang utama akan menerima hadiah wang tunai berserta sijil penyertaan.
- j. Kesemua peserta akan menerima sijil penyertaan.
- k. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.

Borang Penyertaan

- a. Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan.
- b. Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas di belakang hasil karya masing-masing iaitu:
 - Nama Penuh;
 - Nombor Kad Pengenalan;
 - Alamat Penuh; dan
 - Nombor Telefon;
- c. Tarikh tutup penyertaan adalah 31 Oktober 2018 (Rabu) jam 4.30 petang.
- d. Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

URUSETIA LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA

Tingkat 3, Blok Melati,
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur.
Tel : 03 2264 6000
Faks : 03 2265 0615

Panel Penilai

- a. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan MUKTAMAD oleh LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA.
- b. LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- c. LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu
- d. Logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA.

Hadiah Pertandingan

- a. Seorang (1) pemenang akan menerima wang tunai **RM5,000.00** berserta **sijil penyertaan**.
- b. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon, surat atau email.
- c. Kesemua peserta akan menerima sijil penyertaan.

BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA

BUTIRAN PESERTA

a. Nama:

b. No. Kad Pengenalan :

c. Alamat :

.....

.....

d. Email:

e. No. Telefon:

PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik LEMBAGA PERANCANG BANDAR MALAYSIA sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :